

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN SERENTAK PERSATUAN-PERSATUAN POLIS

TEMPAT: HOTEL MERLIN, SUBANG JAYA, SELANGOR

TARIKH: 09 DEC 1986

MASA:

Tuan Pengerusi Majlis;  
Yang Berbahagia Tan Sri Mohd. Haniff  
Bin Omar,  
Ketua Polis Negara;  
Pengerusi Persatuan Pegawai Kanan Polis  
Cawangan Pegawai Yang Diwartakan;  
Pengerusi Persatuan Pegawai Kanan Polis  
Cawangan Inspektor;  
Pengerusi Persatuan Pegawai Rendah Polis;  
Para Perwakilan Ketiga-tiga Persatuan;  
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini sempena dengan Persidangan Serentak Ketiga-tiga Persatuan Polis Diraja Malaysia. Saya telah difahamkan bahawa inilah kali pertamanya di dalam sejarah Pasukan Polis Diraja Malaysia ketiga-tiga Persatuan Polis, iaitu Persatuan Pegawai Rendah Polis, Persatuan Pegawai Kanan Polis Cawangan Inspektor serta Cawangan Pegawai Yang Diwartakan, mengadakan persidangan serentak seperti ini. Saya juga telah difahamkan bahawa persatuan tuan-tuan selama ini telah mengadakan persidangan masing-masing mengikut kaedah persatuan tuan-tuan dan telah bergiat secara 'low key' dan 'maintaining a low profile' disebabkan, saya percaya, tuan-tuan adalah anggota-anggota pasukan yang penuh berdisiplin.

2. Saya menyedari bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh anggota-anggota polis adalah unik. Meskipun demikian, cara-cara penyelesaiannya di masa-masa yang sudah adalah amat terpuji sekali, iaitu melalui prinsip-prinsip dan lunas-lunas disiplin dan etika yang penuh kesopanan. Malah nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan saya perhatikan sentiasa terpelihara di kalangan persatuan-persatuan polis. Sikap 'low profile' yang dipilih oleh persatuan tuan-tuan telah menyebabkan tuan-tuan tidak mendapat publisiti langsung di dalam media massa. Ini sekali lagi menunjukkan kedewasaan di dalam perjuangan tuan-tuan.

3. Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah suatu perkhidmatan

penting yang diwajibkan oleh undang-undang negara supaya bertindak memulihkan keadaan-keadaan yang mencemaskan, jika ianya wujud, yang mengancam ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, pasukan polis sentiasa memerlukan jentera pentadbiran dan operasi yang kukuh dan berkesan di mana anggota-anggota pasukan hendaklah mencerminkan kewibawaan dan keutuhan pasukan setiap masa. Saya yakin bahawa Pasukan Polis Diraja Malaysia tetap berupaya untuk menghadapi sebarang keadaan di negara ini. Hanya saya ingin menyampaikan pesanan kepada ahli-ahli persatuan bahawa pendapat tuan-tuan hendaklah konsisten dengan realiti semasa. Saya merestui perjuangan murni tuan-tuan selagi kewibawaan dan keutuhan pasukan tidak diragui oleh masyarakat umum. Saya bersyukur kerana tuan-tuan selama ini telah mempamerkan sikap dan pendirian yang amat rasional disepanjang perjuangan tuan-tuan.

4. Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah satu-satunya Jabatan Kerajaan yang mempunyai anggota di setiap pelosok dan rantau negara. Jika tidak ada Balai Polis, maka ada Pondok Polis di kampung-kampung dan kampung-kampung baharu atau new villages di mana orang-orang kampung dapat meminta pertolongan dan bantuan di masa-masa kecemasan. Oleh yang demikian, anggota-anggota polis mestilah sentiasa bersedia untuk menunaikan tugas ini dengan adil dan penuh kecekapan. Kebolehan anggota-anggota Polis Diraja Malaysia dalam menjalankan tugas-tugas mereka di masa-masa yang lampau, adalah bukti akan keupayaan mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Kita mesti menerima dan mengakui hakikat bahawa kejayaan sesuatu organisasi atau jabatan bergantung kepada tenaga anggota-anggotanya sendiri, kepada bakat dan sumbangan-sumbangan individu dan kepada perpaduan di kalangan pekerja. Ini bermakna bahawa setiap kakitangan Kerajaan mesti menunjukkan bakatnya dan menyumbangkannya ke arah kejayaan jabatannya. Tenaga manusia, jika dipergunakan dengan sempurna, akan dapat mencapai tahap prestasi yang menakjubkan. Kecekapan dan keberkesanan bukan hanya bererti membuat sesuatu dengan betul, tetapi membuat sesuatu yang betul. 'Efficiency and effectiveness is not merely doing things right; it is doing the right things'.

6. Sepertimana saya sebutkan tadi, persatuan-persatuan polis ini bergerak secara 'low profile'. Walaupun demikian, pihak Kerajaan telahpun memberi beberapa kemudahan kepada anggota-anggota pasukan polis, seperti misalnya, baru-baru ini pihak Kerajaan telah meluluskan kepada anggota-anggota pangkat rendah polis elaun bahasa sebanyak \$25/- sebulan untuk tiap-tiap bahasa yang diketahui tanpa mengenakan had jumlah bahasa. Saya tahu ada beberapa tuntutan pihak persatuan polis yang belum dapat ditunaikan oleh kerana keadaan ekonomi negara pada masa ini. Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa tuntutan-tuntutan tuan-tuan tidak boleh dikemukakan semula setelah ekonomi negara kita pulih semula nanti.

7. Untuk membantu anggota-anggota pasukan keselamatan, Kerajaan juga sedang memikirkan untuk memperluaskan bidang penggunaan wang daripada Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara bagi faedah anggota-anggota polis dan tentera. Beberapa kes telah didapati di mana anggota-anggota polis telah tercedera atau meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya semasa menjalankan tugas sekatan jalan raya, rondaan, kejar mengejar penjenayah dan lain-lain lagi. Ada juga anggota-anggota polis yang tercedera atau meninggal dunia akibat daripada kemalangan-kemalangan semasa dalam latihan. Dalam hal ini, satu kajian akan dibuat mengenai kemungkinan pampasan yang setimpal dapat diberikan kepada mereka yang berkenaan.

8. Saya juga difahamkan bahawa pihak Persatuan-persatuan Polis menganggap isu penubuhan semula Majlis Polis sebagai suatu isu utama. Saya sedar bahawa buat masa ini anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia tidak mempunyai badan perunding sebagaimana yang dipunyai oleh beberapa perkhidmatan yang lain dalam Kerajaan. Saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam sedang mengkaji perkara ini dan dalam hal ini, kepentingan pihak polis akan diambilkira.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Mengenai sajak yang telah dideklamasikan oleh Pengerusi Persatuan Pegawai Rendah Polis tadi, saya menikmati dan memuji keindahannya dan saya akan mengambilkira 'jeritan batin sang kundang kerdil, anak buah temenggung' setiap kali saya mengenang jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh anggota-anggota Polis Diraja Malaysia untuk tanahair kita.

10. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan-persatuan Polis yang telah menjemput saya ke Majlis ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Serentak Ketiga-tiga Persatuan Polis Diraja Malaysia ini.

Wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.